

E FORUM PERDANA EHWAL ISLAM SEMPENA MINGGU SUAIKENAL KUKUM 2003/04

Forum Perdana Ehwah Islam yang bertajuk "Kaedah Dan Realiti Mencemerlangkan Mahasiswa" ini telah diadakan di perkarangan tempat letak kereta Kampus Kubang Gajah pada malam 3 Jun 2003. Ia telah dipengerusikan oleh Saudara Nadzman Mustafa, Penolong Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B. Menteri Besar Kedah dan manakala ahli-ahli panelnya terdiri dari Y. Bhg. Dato' Alim Panglima Hj. Mat Jahaya Hussin, Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Y. Bhg. Datuk Mustafa Taib, Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwah Khas Kementerian Penerangan Malaysia, Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Faiz Abd. Hamid, Dekan Sekolah Pembangunan Sosial UUM serta Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Zaleha Muhamat, Pengetua Kolej Kediaman KUKUM.

Semua pelajar baru KUKUM telah hadir pada malam tersebut sebagai tetamu dan mengambil peluang untuk mengemukakan soalan-soalan kepada ahli-ahli panel. Turut menyerikan majlis ini tersebut ialah Y. Bhg. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dan juga pegawai - pegawai utama serta dekan-dekan KUKUM.

